

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Latar Belakang Kajian

Bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Indonesia (BI) berasal daripada satu bahasa induk yang sama. Entiti kedua-dua bahasa tersebut bertunjangkan bahasa Melayu yang sudah digunakan secara meluas sebagai sarana pembinaan negara melepas sempadan politik penutur asli di Nusantara sejak zaman kerajaan Sriwijaya lagi. Sejak ratusan tahun, bahasa Melayu telah menjadi lingua franca yang tiada tolok bandingnya di rantau ini iaitu bahasa perhubungan yang mesti digunakan oleh pelbagai bangsa yang mempunyai kepentingan di rantau ini. Di dalam tradisi bertulis dan intelektual, bahasa Melayu telah melangkaui sempadan Nusantara sejak 644M atau akhir 645M apabila istilah Melayu timbul buat pertama kali dalam tulisan Cina sebagai Mo-lo-yeou (Nik Safiah Karim 1996:ix). Bahasa Melayu ketika itu mampu mendukung idea serta pengucapan kreatif seperti yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan ratusan manuskrip lama dalam pelbagai bidang ilmu. Dari sudut politik pula kerajaan-kerajaan Melayu lama telah membuktikan bahawa pentadbiran negara dilakukan melalui bahasa Melayu, seperti kerajaan Melayu Pasai, Melaka dan Aceh. Pernah seorang cendekiawan Belanda bernama Jan Huyghen van Linschoten yang tinggal di Indonesia antara tahun 1486-1592 menggambarkan bahawa bahasa Melayu itu bukan sahaja sangat harum namanya, tetapi juga bahasa itu dianggap bahasa yang sehormat-hormatnya di antara bahasa negeri timur dan bahawa orang yang tiada tahu bahasa itu di Kepulauan Melayu

dapatlah dibandingkan dengan orang yang tiada tahu bahasa Perancis di negeri Belanda pada zaman itu (Ismail Hussein, 1966:36).

Bahasa Indonesia merupakan salah satu varian historis, varian sosial, mahupun varian regional daripada bahasa Melayu (Harimurti 1991:2). Dalam Kongres Bahasa Indonesia Kedua pada 1954 di Medan ditegaskan bahawa

“..asal bahasa Indonesia ialah bahasa Melaju. Dasar bahasa Indonesia ialah bahasa Melaju jang disesuaikan dengan pertumbuhannja dalam masjarakat Indonesia.”

Namun bahasa Indonesia boleh dianggap lahir atau diterima kewujudannya dalam Sumpah Pemuda 28 Oktober 1928. Dalam Kongres Pemuda di Jakarta itu, mereka bersumpah bahawa mereka berbangsa satu, bangsa Indonesia, bertanah air satu, tanah air Indonesia, berbahasa satu, bahasa Indonesia. Dan untuk pertama kalinya nama bahasa Melayu diganti dengan nama bahasa Indonesia (S. Takdir Alisjahbana 1991:103). Dengan taraf sebagai bahasa pengantar dan bahasa nasional untuk seluruh Republik Indonesia, bahasa Indonesia mengalami pertumbuhan dan perkembangan untuk memenuhi keperluan zaman baru.

Manakala bahasa Malaysia yang disebut sebagai bahasa Melayu dalam Perlembagaan perkara 152 fasal (1) menggariskan bahawa

‘bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah di-tulis dalam apa2 tulisan sa-bagaimana yang di-peruntokkan dengan undang-undang Parlimen’

Perkara ini juga disentuh dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Dasar bahasa kebangsaan di Malaysia dapat dirumuskan sebagai pemilihan bahasa Melayu sebagai

bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa pengantar pendidikan. Bahasa kebangsaan selain untuk tujuan perpaduan di kalangan warganegara juga mempunyai fungsi simbolis. Bahasa rasmi pula bererti pelaksanaan bahasa Melayu sebagai sarana pembinaan negara dalam semua urusan, terutama urusan pentadbiran negara. Manakala bahasa pengantar pendidikan bererti bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu melalui Dasar Pendidikan Negara daripada peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Dengan kata lain, bahasa Melayu yang ada di Malaysia bukan lagi bahasa Melayu yang lama, bukanlah bahasa Melayu “*Sejarah Melayu*” dan bukanlah bahasa Melayu Johor-Riau, tetapi bahasa Melayu yang sudah jauh berkembang mengalami perubahan sesuai dengan tugasnya yang baru, bukan hanya sebagai ‘vernacular’ dan lingua franca, tetapi sebagai bahasa pengantar, bahasa rasmi dan bahasa ilmu untuk negara Malaysia. (Asmah Hj. Omar 1981:111).

### 1.1 Beberapa Perbezaan dalam Perkamus Melayu/Indonesia

Perkembangan perkamus atau leksikografi Melayu/Indonesia amat erat hubungannya dengan pembinaan korpus bahasa yang dijalankan oleh badan perancangan bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia. Walaupun kedua-dua bahasa ini merupakan bahasa serumpun, sempadan politik yang memisahkannya sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kegiatan kodifikasi bahasa. Unsur-unsur kestrukturran yang baku (*inventory*) seperti fonem, morfem dan sintaksis dalam BM dan BI adalah sama, tetapi dengan latar belakang politik dan sosial yang berlainan, terdapat beberapa penyimpangan satu dengan lain dalam pertumbuhan dan perkembangannya (ibid:111). Inilah yang dapat disaksikan dalam kegiatan kodifikasi bahasa, terutamanya sewaktu menyusun kamus ekabahasa. Dalam proses penyusunan kamus, kedua-duanya cenderung ke arah yang berbeza sesuai dengan korpus dan rumus linguistik yang disepakati oleh para pakar bahasa negara

bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa pengantar pendidikan. Bahasa kebangsaan selain untuk tujuan perpaduan di kalangan warganegara juga mempunyai fungsi simbolis. Bahasa rasmi pula bererti pelaksanaan bahasa Melayu sebagai sarana pembinaan negara dalam semua urusan, terutama urusan pentadbiran negara. Manakala bahasa pengantar pendidikan bererti bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu melalui Dasar Pendidikan Negara daripada peringkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Dengan kata lain, bahasa Melayu yang ada di Malaysia bukan lagi bahasa Melayu yang lama, bukanlah bahasa Melayu “*Sejarah Melayu*” dan bukanlah bahasa Melayu Johor-Riau, tetapi bahasa Melayu yang sudah jauh berkembang mengalami perubahan sesuai dengan tugasnya yang baru, bukan hanya sebagai ‘vernacular’ dan lingua franca, tetapi sebagai bahasa pengantar, bahasa rasmi dan bahasa ilmu untuk negara Malaysia. (Asmah Hj. Omar 1981:111).

### **1.1 Beberapa Perbezaan dalam Perkamusan Melayu/Indonesia**

Perkembangan perkamusan atau leksikografi Melayu/Indonesia amat erat hubungannya dengan pembinaan korpus bahasa yang dijalankan oleh badan perancangan bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia. Walaupun kedua-dua bahasa ini merupakan bahasa serumpun, sempadan politik yang memisahkannya sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kegiatan kodifikasi bahasa. Unsur-unsur kestrukturran yang baku (*inventory*) seperti fonem, morfem dan sintaksis dalam BM dan BI adalah sama, tetapi dengan latar belakang politik dan sosial yang berlainan, terdapat beberapa penyimpangan satu dengan lain dalam pertumbuhan dan perkembangannya (ibid:111). Inilah yang dapat disaksikan dalam kegiatan kodifikasi bahasa, terutamanya sewaktu menyusun kamus ekabahasa. Dalam proses penyusunan kamus, kedua-duanya cenderung ke arah yang berbeza sesuai dengan korpus dan rumus linguistik yang disepakati oleh para pakar bahasa negara

masing-masing. Hal ini dapat diperhatikan jika kita mengkajinya dari aspek leksikal dan tatabahasa dalam *Kamus Dewan (KD)* dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*. Antara aspek yang jelas mempunyai perbezaan ialah sebutan, ejaan, pengimbuhan, pemajmukan, penggandaan, pemerian makna, serta homonimi dan polisemi.

### 1.1.1 Sebutan

Ada dua sistem sebutan yang biasanya diterapkan di dalam kamus iaitu sistem fonetik dan sistem fonemik. Bunyi sistem fonetik dilambangi atas dasar sama ada bunyi itu berbentuk artikularis atau auditoris tanpa menghiraukan fungsinya dalam sesuatu bahasa. Manakala sistem fonemik ialah unit yang dilambangi hanyalah yang mempunyai fungsi linguistik iaitu fonem (Amdun Husain 1994:3). Dalam BM dan BI, sistem ejaannya bersifat semifonemik dan kalau diperlukan hanyalah untuk membezakan /e/ atau /ə/. Pola sebutan yang wujud dalam beberapa buah kamus ekabahasa memperlihatkan beberapa ciri yang menarik. Berdasarkan pengamatan terhadap *KD* dan *KBBI*, agak sukar untuk menentukan apakah kaedah yang dijadikan dasar pedoman sebutan. Ini kerana di samping menitikberatkan pola kata masukan yang mempunyai unsur taling /é/, terdapat juga pola lain yang mempengaruhi kaedah sebutan tersebut. Ini termasuklah pola untuk lema yang sebutannya menyimpang daripada ejaan visual serta variasi sebutan yang wujud antara kedua-dua buah kamus tersebut.

#### 1.1.1.1 Kata Masukan Yang Sebutannya Menyimpang Daripada Ejaan Visual.

Terdapat pola sebutan sesuatu kata masukan yang berbeza daripada ejaannya. Ini merupakan suatu penyimpangan kerana apa yang disebut tidak sama dengan apa yang dieja. Maka lema tersebut diberi sebutan mengikut ejaan fonemik.

<b>Lema</b>	<b>KD</b>	<b>KBBI</b>
champagne	/syémpén/	tiada
braille	/brél/	tiada
gout	/gaut/	tiada
piranha	/pirana/	tiada
strawberi	/strobéri/	tiada

### 1.1.1.2 Kata Masukan Yang Mempunyai Variasi Sebutan

Suatu perkara yang menarik dalam dua buah kamus ini ialah wujudnya variasi sebutan dalam beberapa lema. Walaupun BM dan BI merupakan bahasa serumpun, pola sebutan yang melatari kedua-dua bahasa tersebut tidak mempunyai persamaan yang mutlak.

<b>Lema</b>	<b>KD</b>	<b>KBBI</b>
alergi	tiada	/alérgi/
dehem	/dehém/	/déhém/
elegan	/élégan/	/élegan/
klien	tiada	/klien/
koheren	/kohéren/	/kohérén/
label	tiada	/labél/
legenda	/légénda/	/legénda/
sperma	tiada	/spérma/

### 1.1.2. Ejaan

Isu keseragaman sistem ejaan dianggap telah selesai apabila terbentuk *Sistem Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia* dan *Ejaan Yang Disempurnakan* di Indonesia pada 1972.

Namun terdapat juga beberapa percanggahan di sebalik muafakat yang dicapai sewaktu merumuskan pedoman ejaan tersebut sehingga memberi kesan kepada proses penyusunan kamus.

<b>KD</b>	<b>KBBI</b>
<b>faham</b>	<b>paham</b>
berfaham	berpaham
memahami	memahami
kefahaman	kepahaman
sefaham	sepaham
persefahaman	persepahaman
<b>fikir</b>	<b>pikir</b>
berfikir	berpikir
memikirkan	memikirkan
terfikir	terpikir
fikiran	pikiran
pemikiran	pemikiran

Berdasarkan dua contoh di atas, timbul isu bagaimana fonem *f* pada kata *faham* dan *fikir* mengalami peluluhan apabila menerima pengimbuhan. Sedangkan dalam rumusnya kata dasar yang bermula dengan huruf *k*, *p*, *s*, *t* akan mengalami peluluhan sewaktu menerima pengimbuhan seperti pada kata *paham* dan *pikir*. Di samping itu wujud beberapa kekecualian dalam bahasa Melayu sehingga kata yang bermula dengan fonem *k*, *p*, *s*, *t* tidak mengalami peluluhan. Kerancuan sedemikian memperlihatkan bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu diperkemaskan agar kejituhan fakta dapat dipertahankan demi kebaikan martabat BM dan BI.

<b>KD</b>	<b>KBBI</b>
terjemah menterjemah penterjemahan	terjemah menerjemah penerjemahan
ternak menternak penternakan	ternak menernak penernakan

Di samping itu dalam BM terdapat lima gabungan huruf konsonan iaitu *gh*, *kh*, *ng*, *ny*, *sy*. Manakala dalam BI hanya terdapat empat gabungan huruf konsonan iaitu *kh*, *ng*, *ny*, *sy*. Tiadanya gabungan huruf konsonan *gh* meletakkan **KBBI** berbeza dengan **KD**.

<b>KD</b>	<b>KBBI</b>
ghaib ghairah ghazal	gaib gairah gazal

### 1.1.3 Aspek Pengimbuhan

Terdapat juga kata-kata dalam **KD** dan **KBBI** yang menampilkan perbezaan sewaktu mengalami pengimbuhan. Proses pengimbuhan yang meliputi awalan, akhiran, apitan, dan sisipan ditangani secara berbeza sama ada berupa kata asli atau kata pinjaman.

### **1.1.3.1 Kata Yang Berekasuku Yang Menerima Imbuhan *meN-***

Dalam BM awalan ‘*menge-*’ dibubuh pada kata dasar yang berbentuk ekasuku kata. Tetapi hal ini agak berbeza dalam BI apabila awalan ‘*men-*’ dibubuh pada kata dasar yang berbentuk ekasuku kata.

<b>Lema</b>	<b>KD</b>	<b>KBBI</b>
cam	mengecam	mencam
cas	mengecas	mencas
had	mengehadkan	menghadkan
hak	mengehakkan	menghakkan
khas	menekhaskan	mengkhaskan

### **1.1.3.2 Kata Pinjaman Yang Bergugus Konsonan Apabila Mengalami Pengimbuhan**

Jika mengikut rumus pengimbuhan, kata yang berekasuku ditambah dengan imbuhan ‘*menge-*’ atau ‘*penge-*’. Namun terdapat kekecualian bagi kata pinjaman asing yang didahulukan dengan gugus konsonan. Dalam **KD** kata pinjaman asing yang berekasuku akan diimbahi dengan awalan ‘*men-*’. Tetapi hal ini agak berbeza dalam **KBBI** apabila kata yang berekasuku akan ditambah dengan awalan ‘*menge*’. Di samping itu dalam **KD**, lema yang berupa kata pinjaman yang didahulukan dengan gugus konsonan tidak mengalami peluluhan pada kata yang fonemnya bermula dengan *k*, *p*, *s*, *t*. Hal ini agak berbeza dalam **KBBI** yang mengalami peluluhan walaupun lema tersebut berupa kata pinjaman asing.

#### **1.1.4 Aspek Penggandaan**

Pengendalian kata ganda atau kata ulang merupakan aspek yang memperlihatkan jurang perbezaan yang agak ketara antara **KD** dengan **KBBI**. Terdapat ciri-ciri yang kurang jelas tentang status kata ganda tersebut sehingga ada yang boleh diklasifikasikan sebagai gabungan kata atau kata majmuk. Misalnya:

##### **1.1.4.1. Kata Ganda Berentak Yang Mempunyai Makna Pelbagai Jenis**

Terdapat pengertian longgar tentang konsep kata ganda dalam **KBBI** yang ditangani sebagai gabungan kata. Ini berbeza dengan **KD** yang agak konsisten dari segi pencerakinannya di dalam kamus sebagai kata ganda.

<b>Lema</b>	<b>KD</b>	<b>KBBI</b>
kuih	~~ <i>muah</i>	~ <i>muah</i>
lauk	~~ <i>pauk</i>	~ <i>pauk</i>
rempah	~~ <i>ratus</i>	~ <i>ratus</i>

##### **1.1.4.2 Kata Ganda Berentak Yang Mempunyai Makna Superlatif**

Begini juga dengan pola kata ganda berentak yang membawa makna superlatif yang jelas menampakkan perbezaannya dalam kedua-dua buah kamus tersebut. **KD** menerapkannya sebagai kata ganda manakala **KBBI** mencerakinkannya sebagai gabungan kata.

Lema	KD	KBBI
hina	~ <i>dina</i>	~ <i>dina</i>
hiruk	~ <i>pikuk</i>	~ <i>pikuk</i>
kacau	~ <i>bilau</i>	~ <i>bilau</i>

Huraian secara mendalam tentang bentuk dan makna kata ganda serta cara pengendaliannya dalam **KD** dan **KBBI** akan diberikan dalam bab ketiga dan bab keempat.

#### 1.1.5 Aspek Pemajmukan

Kata majmuk atau gabungan kata terhasil daripada proses merangkaikan dua kata dasar atau lebih yang memberi makna tertentu. Pola sedemikian jelas terlihat dalam kamus ekabahasa yang sedia ada. Tatabahasa pegangan yang menjadi rujukan autoritatif di negara masing-masing telah mempengaruhi penyusunan kata-kata tersebut sehingga memberi kesan kepada organisasi entri dalam kamus ekabahasa. Ada yang diletakkan sebagai kata masukan utama kerana dieja sebagai satu perkataan atau kerana ada turunan katanya. Atau ada yang diletakkan sebagai rangkai kata yang kedudukannya di bawah kata dasar serta disebabkan tidak menjana kata terbitan atau tidak mempunyai derivasi.

KD	KBBI
kala... ~ <i>jengking</i>	<i>kalajengking</i>
kerjasama	kerja... ~ <i>sama</i>

sapu...	saputangan
~ tangan	
warganegara	warga negara
mewarganegarakan	mewarganegarakan
kewarganegaraan	pewarganegaraan
pewarganegaraan	kewarganegaraan

---

### 1.1.6 Pemerian Makna

Jika dihalusi kosa kata yang termuat dalam kamus ekabahasa BM dan BI, sebahagian besar kata masukannya merupakan kata sepunya. Ini bersesuaian dengan sejarah kedua-dua bahasa tersebut yang berasal daripada bahasa induk yang sama. Namun terdapat juga perbezaan makna yang wujud dalam entri sepunya tersebut. Perubahan yang berlaku dalam bahasa tersebut sama ada mengalami peluasan, penyempitan, atau pergeseran mempengaruhi perbezaan makna. Masoer Pateda (1989:72) menyifatkan perubahan makna berlaku disebabkan faktor kebahasaan, kesejarahan, sosial, psikologi, pengaruh bahasa asing dan kerana faktor keperluan kata baru. Manakala T. Fatimah Djajasudarma (1991:62) menyifatkan perubahan itu berlaku kerana perubahan makna daripada bahasa daerah kepada bahasa nasional, akibat lingkungan, akibat pertukaran tanggapan deria, akibat tanggapan pengguna bahasa dan akibat asosiasi. Palmer (1981:10) menyatakan bahawa perubahan makna terjadi kerana perkara-perkara yang tidak disengajakan , tetapi berubah secara alamiah. Misalnya:

#### 1. *balu*

Dalam **KD** *balu* ialah *perempuan yg menjadi janda krn kematian suami*. Tetapi dalam **KBBI** *balu* ialah *laki-laki yg tidak beristeri lagi (krn cerai atau kematian isteri)*. Dalam hal ini pengertian dalam **KBBI** tersebut sesuai untuk perkataan *duda* dalam **KD** kerana *duda* dan *balu* itu mempunyai entiti makna yang berlainan. Tetapi hal ini mungkin juga

ditanggapi secara berbeza dalam **KBBI** kerana sesuai dengan konteks penggunaan yang digunakan di negara masing-masing.

#### **2. dajal**

Dalam **KD** *dajal* ialah *makhluk yang akan muncul untuk menyesatkan manusia sebelum terjadi kiamat, tetapi akhirnya dapat dibunuh oleh Nabi Isa*. Manakala **KBBI** mendefinisikan *dajal* sebagai *setan yg datang ke dunia apabila kiamat sudah dekat (berupa raksasa besar)*. Berdasarkan dua definisi ini jelas belum ada kesepakatan untuk menanggapi isu *dajal* dalam konteks yang sebenar. Para penyusun kamus masih memberi pengertian yang umum tentang pengertian *dajal*, walaupun **KBBI** cuba memberi bayangan berupa raksasa besar yang sudah tentunya ditanggapi secara berbeza dalam **KD**.

#### **3. samseng**

Dalam **KD** *samseng* merupakan seorang *penjahat (suka merompak, menyamun, dll)*. Tetapi **KBBI** mendefinisikan *samseng* sebagai *jagoan atau pendekar*. Persepsi yang berbeza yang memberi huraihan watak antagonis dalam **KD** dan protagonis dalam **KBBI**, jelas memperlihatkan paradoks makna perkataan tersebut yang mempunyai konotasi berbeza antara kedua-dua bahasa serumpun ini.

#### **4. tangan**

Dalam **KD** *tangan* ialah *anggota tubuh dari kepala bahu sampai ke hujung jari atau anggota tubuh dari pergelangan tangan sampai ke hujung jari*. Manakala dalam **KBBI** di samping *tangan* didefinisikan sebagai *anggota badan dari pergelangan sampai ke hujung jari, tangan juga diberi makna lengan*. Pertentangan makna yang menyebut *tangan* sama dengan *lengan* itu meletakkan hierarki makna *tangan* dari sudut anatomi diperlukan untuk menyelesaikan kekaburuan tersebut.

### 1.1.7 Homonimi Dan Polisemi

Dalam **KD** dan **KBBI**, terdapat lema yang tidak jelas statusnya sama ada bertaraf homonimi atau polisemi. Terdapat lema yang bertaraf polisemi pada **KD** tetapi bertaraf homonimi dalam **KBBI**. Setakat ini konsep yang merujuk kepada fauna dan flora agak konsisten pemeriananya kerana agak jelas entitinya sebagai homonim. Bagaimanapun untuk kata-kata umum masih terdapat tanggapan yang agak longgar untuk menentukan sesuatu kata itu berhomonimi atau berpolisemi. Misalnya:

<b>KD</b>	<b>KBBI</b>
<b>bab</b> 1. Ar pintu... 2. bahagian dlm buku	<b>1 bab</b> bagian isi buku <b>2 bab</b> ark pintu
<b>bahan</b> 1. serpihan kayu..2. sesuatu yg digunakan utk...	<b>1 bahan</b> pecahan kayu <b>2bahan</b> sesuatu yg dapat dipakai ...
<b>balung</b> 1. daging yg tumbuh 2. hantu...	<b>1 balung</b> daging yg tumbuh <b>2 balung</b> ...takrif

### 1.2 Strategi Dan Langkah

Berdasarkan beberapa penelitian yang dilakukan terhadap kamus ekabahasa yang sedia ada, ternyata kedua-dua bahasa mempunyai dasar dan pegangan yang berbeza dalam banyak hal. Ini benar-benar mengganggu usaha kedua-dua negara merapatkan jurang perbezaan dalam usaha kodifikasi bahasa serumpun ini. Menyedari hakikat ini beberapa agenda kebahasaan telah terjalin seperti yang dilihat secara serius dalam menangani isu keselarasan ejaan sehingga terbentuk *Ejaan yang Disempurnakan* di Indonesia dan *Sistem Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia* pada 1972. Di bawah payung Majlis Bahasa

Indonesia Malaysia (MBIM) dan kemudian Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia (MABBIM) agenda kebahasaan dipanjangkan pula dalam proses menyelaras istilah pelbagai bidang dan subbidang. Manifestasi dalam rangka kerja MBIM dan MABBIM inilah terbentuk beberapa buah daftar istilah seperti *Daftar Istilah MBIM* (1974-1985) dan *Daftar Istilah MABBIM* (1985-1992). Usaha kodifikasi bahasa ini pula diperluas dengan menghasilkan beberapa buah kamus khusus seperti *Kamus Kata dan Ungkapan Am B. Indonesia, Malaysia, Brunei* pada 1988 dan *Kamus Kata Ungkapan Am B. Melayu Brunei, Indonesia, Malaysia* pada 1994. Wujud juga kerjasama menyusun sebuah kamus umum yang menampung keseluruhan kosa kata yang wujud dalam bahasa serumpun. *Kamus Tiga Negara* (tentatif) melibatkan DBP Brunei, DBP Kuala Lumpur dan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Indonesia dengan menggunakan korpus *Kamus Dewan, Kamus Besar Bahasa Indonesia dan Kamus Bahasa Melayu Brunei*. Kamus ini menjadi dokumentasi penting sebagai wadah memuatkan keseluruhan leksikon yang wujud dalam bahasa serumpun tersebut bagi memenuhi aspirasi rakyat Nusantara yang berjumlah lebih 200 juta itu, tetapi sebagai mencipta suatu tradisi agung untuk dihadiahkan kepada dunia.

Namun ini tidak bererti inisiatif yang diambil telah dapat menyelesaikan beberapa permasalahan yang wujud dalam kedua-dua bahasa serumpun ini.

‘MBIM yang bekerja sama dalam bidang bahasa, dalam membentuk istilah hanya dapat menyamakan 80% istilah. Yang 20% berbeda karena mereka bertahan pada istilah buatan mereka dan kita juga bertahan pada istilah buatan kita...sampai sekarang kita masih dapat saling mengerti bila masing-masing menggunakan bahasanya dalam berkomunikasi. Namun entahlah sesudah 30 tahun atau 40 tahun nanti. Akan maka berbedakah kedua bahasa atau tetap hampir sama?’

(Badudu 1989:12)

Bagaimanapun terdapat pandangan lain yang mengatakan dari segi kekerabatan dan sistem tatabahasa, hanya terdapat perbezaan kecil berbanding persamaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia. Mengikut Anton M. Moeliono (dalam Mohd Afif Abidin 1998:789):

‘Meskipun ada sedikit perbezaan ini, tidak bererti kita mengingkari bahawa tatabahasa Indonesia yang baru tidak akan mirip tatabahasa Melayu Riau dahulu. Baiklah dikatakan di sini bahawa pola umum dan inti bersama (common core) bahasa Indonesia masih sama dengan bahasa Melayu. Bahkan kita tidak akan jujur, jika hendak mengatakan bahawa bahasa Indonesia bukan bahasa Melayu lagi.’

Apa pun tanggapannya sememangnya amat sukar untuk mencari persamaan mutlak sama ada dari aspek leksikal atau tatabahasa kedua-dua bahasa ini. Apa yang boleh dilakukan adalah dengan meminimumkan perbezaan tersebut agar masalah yang wujud dalam proses kodifikasi bahasa tidak menghalang cita-cita mengangkat martabat BM dan BI sebagai salah satu bahasa terpenting di dunia. Usaha meminimumkan perbezaan yang wujud dalam proses kodifikasi bahasa dapat dilakukan dengan pelbagai cara. Salah satu caranya adalah dengan mengemas kinikan beberapa bentuk morfologi BM dan BI, terutama aspek penggandaan dan pengendaliannya dalam kamus ekabahasa. Persoalan kata ganda atau kata ulang sudah banyak dikaji oleh para sarjana bahasa sama ada di Malaysia atau di Indonesia tetapi kajian tentang pengendaliannya dalam kamus ekabahasa belum lagi dilihat sebagai salah satu perspektif yang penting. Hatta belum lagi ada kajian secara komparatif yang dibuat secara tuntas untuk melihat pengendalian kata ganda dalam kamus ekabahasa yang sedia ada. Atas kesedaran inilah kajian ini dilakukan kerana pengendalian kata ganda dalam kamus ekabahasa merupakan salah satu aspek yang bermasalah berbanding bentuk-bentuk morfologi yang lain.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Penyusunan kamus ekabahasa bertolak daripada andaian bahawa bahasa tersebut mempunyai bahasa bakunya (Gallardo 1977:61). Kata-kata yang dijadikan entri dalam kamus merupakan catatan yang autentik tentang norma baku sesuatu bahasa berdasarkan data korpus yang dibina. Pembakuan melalui kamus akan meningkatkan keselarasan dan keefisienan bahasa tersebut. Kamus dapat membentuk dan menyebarluaskan norma baku sesuatu bahasa. Kamus juga akan meningkatkan keefisienan bahasa dari segi pengembangan bahasa dengan membakukan ejaan, sebutan, tatabahasa dan sebagainya (Abdullah Hassan 1989:112).

Dalam hubungannya dengan kata ganda atau kata ulang, realiti yang berlaku dalam kamus ekabahasa bahasa Melayu/Indonesia menimbulkan beberapa kerancuan, sehingga disifatkan oleh Asraf (1995:202) sebagai aspek yang jelas masih bermasalah. Antara aspek-aspek yang bermasalah yang perlu diketengahkan dan dipugar adalah seperti berikut:

- a. Ciri-ciri yang membezakan kata ganda dengan kata majmuk masih dikacaukan sehingga memberi kesan kepada pola pengendaliannya dalam kamus.
- b. Berlaku pertindihan huraihan untuk kata masukan yang berlainan jenis kata ganda, tetapi masih mendukung makna yang sama.
- c. Ketidakseragaman persembahan makna dan organisasi entri yang berstatus kata ganda dalam kamus ekabahasa memberi kesan kepada kamus yang berfungsi sebagai alat membakukan bahasa.

d. BM dan BI sentiasa berubah dan perkembangannya amat pesat sesuai dengan ledakan dan kebanjiran pelbagai maklumat. Perubahan dan perkembangan yang berlaku menuntut kamus-kamus yang sedia ada lebih bermaklumat, terutama dari aspek kebahasaan.

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian tentang morfologi dianggap penting kerana morfologi merupakan lampiran yang menunjang sesebuah kamus. Tanpa morfologi tiada asas seseorang penyusun untuk mereka bentuk sesebuah kamus. Sehubungan dengan itu bentuk kata ganda yang dimasukkan ke dalam kamus harus ditangani secara teliti. Para penyusun kamus harus membuat keputusan yang bijak berdasarkan rumus yang disepakati oleh ahli-ahli bahasa serta bersumberkan pembuktian data korpus yang mungkin memberi input baru dalam bidang kebahasaan. Menyusun kamus merupakan suatu kerja seni, bukannya satu sains. Seperti kata Leonard E. Newell (1995:1) '*lexicography is the art of recording the result of lexicological research in the form of a dictionary.*' Maka kajian ini mempunyai objektif untuk mencari kaedah penyusunan yang lebih mantap dan dijamin kewibawaannya sebagai rujukan utama dari aspek kebahasaan dan kosa kata. Terdapat beberapa objektif yang diketengahkan dalam kajian ini.

- a. Kajian ini mengemukakan beberapa persamaan dan perbezaan pengendalian kata ganda atau kata ulang dalam kamus ekabahasa BM dan BI, dengan rujukan khusus kepada **KD** dan **KBBI**.
- b. Kajian ini menganalisis dasar atau gejala yang melatari pola sedemikian dan mengemaskininya semula untuk faedah pengguna kamus.

- c. Kajian ini diharap dapat menjadi input penting mengemaskinikan organisasi entri dalam kamus dan memantapkan persembahan maknanya.
- d. Sememangnya terdapatnya perbezaan pendapat tentang bentuk kata ganda dan cara pengendaliannya dalam **KD** dan **KBBI**. Sehubungan dengan itu kajian ini dianggap penting untuk mengurangkan jurang perbezaan yang wujud dalam kamus ekabahasa kedua-dua buah negara, dan sekali gus mengangkat martabat BM dan BI di peta dunia.

### 1.5 Kepentingan Kajian

Merujuk kepada kamus merupakan salah satu cara yang terbukti mempunyai kesan dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa seseorang. Reichmann (dlm. Hartmann 1987:123) menggariskan bahawa ada lapan fungsi yang mempengaruhi secara eksplisit atau implisit sesebuah kamus itu disusun.

1. Kamus berfungsi sebagai bahan rujukan yang autoritatif dalam konteks penggunaan.
2. Kamus berfungsi sebagai rujukan utama kosa kata.
3. Kamus berfungsi sebagai wahana untuk memperbaiki komunikasi
4. Kamus mempunyai makna untuk memperkuuh bahasa
5. Kamus berfungsi sebagai ransangan pencerminan bahasa
6. Kamus membantu proses mempelajari bahasa asing
7. Kamus sebagai senjata ideologi
8. Kamus sebagai bahan komoditi yang boleh dipasarkan

Kelapan-lapan fungsi ini mencerminkan beberapa keperluan yang perlu ditangani oleh penyusun kamus sewaktu penyusunan sesebuah kamus. Atas kesedaran ini kajian ini mempunyai beberapa kepentingan.

- a. Kamus ialah lampiran bagi tatabahasa (Abdullah Hassan 1984:2). Sesuai dengan peranan kamus sebagai alat pembakuan bahasa, kajian ini cuba menampilkan beberapa penemuan yang difikirkan dapat menyeragamkan pengendalian kata ganda dalam kamus ekabahasa yang sedia ada. Ini secara langsung memperkuuh korpus yang sedia ada sebagai panduan yang kemas kini untuk faedah pengguna kamus.
- b. Kajian ini memberi input untuk mengenali bentuk dan makna kata ganda yang digunakan oleh kedua-dua buah negara. Kajian ini memberi peluang kepada penyusun kamus kedua-dua negara mengemaskinikan cara pengendalian kata ganda agar lebih jelas dan seragam.
- c. Kajian ini menyuburkan usaha memperkemas produk bahasa negara masing-masing dan sekali gus merapatkan kerjasama yang sedia terjalin dalam aktiviti kebahasaan. Kajian ini juga berpotensi memantapkan leksikografi BM dan BI dari aspek morfologinya.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada beberapa pola kata ganda yang diterapkan dalam kamus ekabahasa BM dan BI, dengan rujukan khusus kepada **KD** dan **KBBI**. Kedua-dua kamus ini dipilih kerana pertimbangan seperti berikut:

- a. Kedua-dua kamus ini disifatkan sebagai kamus yang paling lengkap dan berwibawa yang menjadi pegangan negara masing-masing.
- b. Kedua-dua kamus ini menjadi rujukan yang paling autoritatif dari segi leksikal mahupun tatabahasanya.

- c. Kedua-dua kamus ini juga menjadi landasan bagi penyusunan kamus-kamus lain yang sedia ada.

Dengan kedudukan **KD** dan **KBBI** yang mempunyai kedudukan yang teristimewa sebagai karya *magnum opus* di negara masing-masing, sejawarnyalah sebarang kajian yang menyentuh aspek kata ganda tersebut adalah reflektif dengan pegangan kamus-kamus ekabahasa lain yang pernah diterbitkan.

Skop kajian ini akan memberi tumpuan kepada tiga aspek penting iaitu:

- i. Kedudukan beberapa bentuk kata ganda yang diterapkan dalam kamus dengan mengklasifikasikannya mengikut bentuk dan makna yang dibawanya.
- ii. Analisis perbandingan akan dibuat berdasarkan klasifikasi tersebut untuk menilai pola persamaan dan perbezaan yang mendasari kedua-dua buah kamus tersebut.
- iii. Rumusan dan cadangan untuk memperbaiki pola persembahan entri yang bertaraf kata ganda agar lebih seragam dan kemas kini.

### **1.7 Batasan Kajian**

Memandangkan bahawa disiplin kata ganda agak luas ruang lingkupnya, maka kajian ini hanya memberi fokus atau terbatas kepada bentuk-bentuk kata ganda yang lazimnya diterapkan dalam kamus ekabahasa BM dan BI. Batasan ini perlu untuk memudahkan analisis data dilakukan sewaktu membuat kajian perbandingan. Untuk kepentingan kajian ini, lima bentuk kata ganda dikenal pasti dipilih sebagai dasar kajian dan setiap bentuk kata ganda tersebut akan diberi contoh untuk memudahkan analisis dilakukan.

Pembatasan data untuk setiap bentuk kata ganda diuraikan dalam bab ketiga kajian ini dan dilihat representatif dengan jumlah contoh kata ganda yang terdapat dalam kedua-dua buah kamus.

Namun ada juga keperluan merujuk kepada bentuk morfologi lain, sekadar memperlengkap huraian yang sedia ada. Ini untuk memantapkan lagi kajian tersebut agar lebih jelas dan komprehensif.

## 1.8 Takrifan Operasional

Takrifan operasional melibatkan beberapa penjelasan tentang pembutiran yang tercakup dalam judul kajian ini. Kajian ini berjudul “*Pengendalian Kata Ganda dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia: Suatu Kajian Perbandingan*” merupakan suatu himpunan kata-kata yang mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri yang mewarnai keseluruhan dasar kajian.

### 1.8.1 Pengendalian

**KD** (1996: 634) mentakrifkan *pengendalian* sebagai ‘*perihal mengendalikan sesuatu*’. Manakala **KBBI** (1997:477) sebagai ‘*proses, cara, perbuatan mengendalikan*’. Dengan kata lain *pengendalian* bermaksud bagaimana unsur leksikal dan tatabahasa ditangani dalam kamus. Kamus itu disusun atas pertimbangan praktis yang dikembangkan melalui daya kreativiti dan inovasi penyusun kamus. Oleh sebab itu, asas-asas penyusunan sesebuah kamus lebih bertolak pada tradisi dan konvensi daripada prinsip linguistik semata-mata. Tradisi dan konvensi itu dibina secara berterusan dengan menyerapkan ciptaan dan inovasi watak-watak di medan perkamusian. Berdasarkan hakikat inilah pola penyusunan kamus itu dilakukan dan pengendaliannya mengikut kreativiti dan inovasi

penyusunnya. Konsep *pengendalian* akan berfokus kepada dua aspek penting, iaitu status masukan dan pemerian makna yang akan dibicangkan secara terperinci dalam bab ketiga dan bab keempat kajian ini.

### **1.8.2 Kata Ganda**

Kata ganda ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar secara keseluruhan atau sebahagian. Proses pembentukan kata yang menghasilkan kata ganda dinamakan penggandaan. Kata ganda boleh dikategorikan kepada lima jenis:

- a. Kata ganda penuh (*rumah-rumah, pelatih-pelatih*)
- b. Kata ganda separa (*lelaki-jejari, gegendang*)
- c. Kata ganda semu (*rama-rama, kanak-kanak, kura-kura*)
- d. Kata ganda berentak atau berima (*mandi-manda, sayur-mayur, kuih-muih*)
- e. Kata ganda berimbahan (*tumbuh-tumbuhan, kemerah-merahan, berbalas-balas*)

Kesemua bentuk kata ganda ini akan dikaji dan setiap bentuk tersebut akan ditelusuri status masukannya dalam kamus. Ini untuk memudahkan penulis membuat perbandingan yang sekali gus memberi kesan kepada corak pengendaliannya dalam kamus.

### **1.8.3 Kamus**

Perkataan *kamus* bererti kitab yang berisi keterangan tentang erti kata-kata (Poerwadaminta 1976:440) dan sebagai buku yang mengandungi kata-kata yang disusun mengikut abjad dan keterangan mengenai ertinya (Teuku Iskandar 1970: 456), atau sebagai buku yang berisi pilihan kata-kata sesuatu bahasa atau sesuatu kelas kata khusus,

biasanya disusun mengikut abjad dengan penjelasan makna serta maklumat lain dinyatakan dalam bahasa yang sama atau bahasa yang lain (*The American College Dictionary* 1960: 336). Berdasarkan tiga definisi ini dapat dirumuskan bahawa kamus merupakan sebuah buku rujukan yang mengandungi kata-kata daripada sesuatu bahasa yang disusun mengikut abjad, diberi makna dan keterangan lain yang berkenaan dengan kata-kata tersebut.

#### **1.8.4 Kajian Perbandingan**

Mengikut **KD** ‘*kajian*’ bermaksud kegiatan (usaha, proses) mengkaji atau hasil mengkaji mengikut pengertian **KBBI**. Manakala kata ‘*perbandingan*’ mengikut **Kamus Pelajar** hal berbanding atau dibandingkan (melihat dua benda utk mengetahui apa-apa yang sama atau apa-apa yang berlainan atau perbezaan (selisih ) kesamaan mengikut pengertian **KBBI**. Mengikut pengertian **Kamus Linguistik** (1997:187), *perbandingan* dalam konteks bahasa bermaksud pemerian butir dan pola yang serupa atau berbeza antara dua bahasa atau lebih, atau dua tempoh atau lebih, dalam perkembangan sesuatu bahasa untuk mencari hubungan genetik, tipologi atau prinsip supaya pengajaran bahasa lebih berkesan. Dalam konteks kajian ini, perkara yang dibandingkan ialah pengendalian kata ganda dalam kamus ekabahasa, dengan rujukan khusus kepada **KD** dan **KBBI**.

#### **1.8.5 Rumusan Takrifan Operasional**

Fokus disertasi ini adalah tentang perbandingan pengendalian kata ganda dalam **KD** dan **KBBI**. Ruang lingkupnya akan tertumpu kepada beberapa bentuk kata ganda dan cara persembahannya dalam kamus ekabahasa tersebut. Dengan menggunakan pendekatan secara perbandingan, disertasi ini akan menampilkan beberapa perbezaan dan persamaan pengendalian kata ganda yang wujud dalam kedua-dua kamus ekabahasa.

Kajian secara interteks ini menampilkan **KD** dan **KBBI** sebagai sumber bahan kajian. Ini kerana sejak tradisi perkamusan Melayu/Indonesia bermula sejak abad ketujuh (Teeuw 1962:339), kedua-dua kamus tersebut disifatkan yang paling berwibawa dan autoritatif memenuhi tuntutan usaha kodifikasi bahasa yang berlangsung sejak sekian lama.

Huraian tajuk disertasi ini tidak terlepas daripada beberapa rumusan yang dibuat oleh sarjana BM dan BI. Banyak kajian yang dibuat tentang pola kata ganda dan premis yang dibuat sebahagian besarnya telah diterapkan sewaktu menggubal tatabahasa pegangan masing-masing. Pencerakinan sedemikian banyak membantu usaha penulis melihat kepelbagaiannya pola kata ganda yang wujud dalam kamus-kamus tersebut. Berpandukan rumus yang telah ditetapkan secara tidak langsung memudahkan penulis membuat analisis perbandingan antara kedua-dua buah kamus yang berpengaruh itu.